

ISLĀMIYYĀT 39(1) 2017: 83 - 84
(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-09>)

Ulasan Buku/*Book Review*

A World Without Islam. Oleh Graham E. Fuller. 2010. New York: Little, Brown and Company, 385 halaman, ISBN 978-0316041195 dan Harga USD15.00. Ulasan oleh Badlihisam Mohd Nasir dan Nurul Widyamirza Sujan.

Islam bukanlah satu *force* yang asing di mata politik dunia. Islam menjadi mercu kepada setiap perubahan iklim sosiopolitik dunia lebih-lebih lagi selepas peristiwa 11 September 2001 sehingga dianggap sebagai *the boomer* yang menyaksikan pelbagai bentuk jenayah kebencian terus meledak mewarnai masyarakat hubungan antarabangsa. Pembunuhan, pencerobahan, rusuhan agama, pengeboman berani mati, peperangan, penculikan dan seumpamanya yang berlaku dalam jendela dunia ketika semuanya dikaitkan dengan Islam tanpa mengira hakikat kebenaran fakta yang sebenar. Islam terus dihukum tanpa pengadilan saksama. Mata dunia dibuka seluasnya oleh Barat agar melihat agama ini sebagai sebuah kepercayaan yang jumud sehingga tidak mampu beradaptasi dengan perubahan dunia moden, sehingga menjadikan penganutnya memilih jalan ekstrem untuk bertindak balas mendepani arus perubahan tersebut.

Di tengah-tengah suasana *chaotic* ini, Graham E. Fuller (seterusnya Fuller), iaitu bekas Pegawai Kanan di Majlis Perisikan Kebangsaan Amerika Syarikat dan dianggap sebagai pakar mengenai masalah Timur Tengah melalui pengalaman kerjayanya di Rand Corporation, telah mencetuskan beberapa persoalan berhubung fenomena tersebut menerusi penulisan beliau, *A World Without Islam* (2010). Antaranya ialah seperti: bagaimanakah keadaan dunia sekiranya Islam tidak wujud langsung?; apakah dunia tanpa Islam merupakan sebuah dunia yang berbeza daripada dunia hari ini?; adakah tanpa kelahiran Nabi Muhammad SAW dan penyebaran agama Islam hampir ke 3/4 bahagian dunia sejak abad ke-7M akan menjadikan dunia hari ini sebuah dunia yang lebih baik?; serta bagaimana pula keadaan dunia tanpa Kristian, Yahudi dan sebagainya? Bagi sesetengah pihak, ia merupakan jawapan kepada kehidupan yang selesa, tiada pertembungan ketamadunan, tiada istilah jihad, tiada pencerobohan dan tiada pengganas. Semua persoalan ini dirungkai secara intensif oleh penulis melalui 14 bab yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama dalam penulisan beliau.

Pengarang memperkenalkan buku ini dengan menyentuh tentang perihal semangat perjuangan umat Islam menentang penjajahan. Berasaskan

ayat 3 daripada Surah al-Ikhlās, Fuller menelusuri sejarah hubungan antara pelbagai agama sejak dari permulaan wahyu pada zaman Nabi Ibrahim AS atau '*Islam and the Abrahamic faiths*'. Dalam konteks agama wahyu, ajaran agama yang diterima oleh Nabi Ibrahim AS dilihat sebagai titik permulaan kepada pengertian sebenar tentang agama, iaitu bukan agama yang dicipta atau diasaskan oleh manusia. Pengarang turut menyentuh secara komprehensif mengenai sejarah perhubungan Timur dan Barat sejak zaman sebelum Islam yang dilihat dari sisi pertembungan kuasa Byzantium dan Rom, kelahiran fahaman Kristian yang berbeza, zaman kebangkitan Islam, Perang Salib (1095-1272M), zaman reformasi agama di Barat (disebut oleh pengarang sebagai reformasi Protestant) dan zaman penjajahan Barat (kebangkitan fahaman sekular) sehingga melahirkan Amerika Syarikat sebagai kuasa besar dunia hari ini. Penjelasan beliau menyentuh konflik antara agama yang berlaku seperti konflik antara Yahudi dengan Kristian, antara sesama Kristian (Katolik dan Protestant), antara Kristian dengan Islam, hubungan antara Islam dengan agama-agama lain di India dan China dan akhirnya hubungan antara dunia Islam dengan barat dan Eropah melalui pelbagai isu seperti isu golongan minoriti, pertembungan budaya, isu Palestin dan perang ke atas Amerika. Pengarang menyifatkan pergolakan yang wujud antara dua blok utama dunia ini (Timur/ Islam dan Barat) berlaku kerana kewujudan perasaan ketidakpercayaan antara Timur dan Barat. Semenjak zaman sebelum kemunculan Islam lagi, sentimen ini disemai melalui percanggahan dari sudut fahaman agama, kepentingan politik atau ekonomi, prestij dan kesan penjajahan.

Dalam konteks mengaitkan agama dengan keganasan, Fuller berpandangan isu ini merupakan rentetan daripada kebangkitan fahaman agama Kristian dan Yahudi serta Barat (khususnya Amerika Syarikat) yang menyebabkan penganut agama memberikan reaksi balas. Atas sikap sekumpulan penganut Kristian yang sudah dipengaruhi oleh kepentingan Yahudi, mereka telah memaksa penganut Islam melakukan tindakan balas. Hal ini sebenarnya perlu difahami oleh rakyat Amerika Syarikat, kerana kepentingan-kepentingan ekonomi dan politik

menyebabkan Barat melihat Islam itu sebagai musuh yang perlu disingkirkan dari peradaban dunia. Sorotan panjang mengenai rakaman sejarah ini disimpulkan oleh pengarang bahawa agama (spiritual) tidak mengarahkan kepada keganasan, tetapi disebabkan sikap manusia yang berfikir dan bertindak balas dalam konteks kebenaran agama menurut persepsi masing-masing, berlakulah keganasan dan sentimen ekstrem hingga dilabel sebagai ciri tertentu, malah menjadi punca kepada kemunculan kekacauan dan bencana dalam dunia semasa.

Pada bahagian berikutnya, Fuller menjelaskan pandangan beliau tentang keganasan yang berlaku, khususnya di Timur Tengah. Menurut beliau, perkara utama yang perlu dilakukan adalah menghentikan peranan kekerasan yang dimainkan oleh tentera Amerika Syarikat di seluruh dunia. Hal inilah yang menjadi faktor kepada reaksi balas negatif atau keganasan yang berlaku di seluruh dunia hingga mengakibatkan berleluasanya pembunuhan, pencerobohan dan seumpamanya. Atas dasar yang jelas menggugat hak asasi manusia ini, umat Islam pula yang dipersalahkan. Umat Islam dihukum dan diarah agar menghentikan keganasan yang hakikatnya bukan berpunca daripada mereka. Pengarang turut menyentuh isu perubahan gaya kepimpinan Presiden Obama dan haluan Washington yang pada mulanya dilihat mampu memberikan perspektif baru dalam hubungan Barat dan Islam. Namun, atas desakan tertentu, Obama kelihatan tidak bersungguh-sungguh melaksanakan *zero tolerance for terrorisme* (pelan mengurangkan keganasan). Sikap yang lebih terbuka pada awalnya diandaikan mampu membawa kepada pendekatan baru yang menarik perhatian masyarakat Islam. Akan tetapi, semuanya hanya tinggal retorik.

Akhirnya, pengarang membuat rumusan dengan menggariskan sembilan cadangan tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan konfrontasi yang menyelubungi dunia Islam dan Amerika Syarikat.

Intipati daripada cadangan tersebut memperlihatkan ajakan Fuller terhadap kuasa besar Amerika Syarikat untuk berperanan selaku *striker* dalam usaha menghentikan pencerobohan di wilayah-wilayah asing serta bertindak lebih rasional lagi *empathy* mendepani keghairahan untuk menguasai dunia. Amerika Syarikat perlu serius menterjemahkan erti kata keganasan melangkaui tembok agama, dan sebaliknya memahami realiti yang berlaku adalah berpunca daripada susur galur sejarah, pertembungan kuasa yang menjadi modus operandi kepada setiap keadaan yang telah dan sedang menaungi iklim sosiopolitik mahupun sosioekonomi dunia. Dalam konteks dewasa ini, kebergantungan dunia secara umumnya kepada Amerika Syarikat ibarat ‘calak-calak ganti asah, menanti tukang belum datang.’ Ini memberi gambaran secara tidak langsung bahawa Islam bukan sewajarnya kekal tetapi dilihat sebagai satu agama yang bakal menggantikan kepimpinan dunia pada masa depan.

Badlihisam Mohd Nasir
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
MALAYSIA
badlihisam@utm.my

Nurul Widyamirza Sujana
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
widyamirza@gmail.com